

ABŪ AL-HASAN ‘ALĪ AL-HASANI AN-NADWI: KEPERIBADIAN, SEJARAH HIDUP DAN PERJUANGAN*

Oleh:
Ahmad Fahmi Zamzam

Abstract

Al-Nadwi's personality, life and his efforts for the development of Islam are discussed. It also deals with his masterpieces, his involvement in Islamic movements and his journey. His relation and admiration of Iqbal is also been described briefly.

PENGENALAN

Maulana Sayyid Abū al-Hasan ‘Alī al-Hasani An-Nadwī *raḥimahullāhu ta‘ālā* adalah seorang tokoh pemikir Islam yang mengharumkan abad keduapuluh ini. Namanya mengharumkan syiar Islam di tanah Hindustan yang dikenali sebagai pusat agama Hindu itu. Pusat pengajian tinggi Islam yang dipimpinnya telah banyak melahirkan ulama dan cendekiawan muslim bukan hanya di India, bahkan di seluruh dunia. Sumbangan dan jasanya di bidang dakwah dan pemikiran Islam sangat ketara sekali, bahkan ianya dapat dirasakan oleh semua lapisan masyarakat Islam, mulai dari orang awam sampai ke peringkat pimpinan negara dan penghuni istana. Penglibatan beliau di bidang dakwah secara dekat sangat banyak memberikan erti dan semangat dalam jiwa pendukung-pendukung dakwah Islam sedunia. Begitu pula dengan karya-karya beliau yang agung dan sarat dengan nasihat dan tunjuk ajar, sangat banyak memberikan bimbingan dalam perjalanan umat menghadapi abad yang sangat mencabar ini.

Lebih setengah abad beliau berperanan di bidang dakwah, pendidikan dan pemikiran Islam. Buku karangannya dalam bahasa Arab diterbitkan di Mesir oleh Syaikh Sayyid Rashid Ridā pada tahun 1931, iaitu ketika beliau baru berusia 18 tahun. Karyanya yang terulung sekali diterbitkan di Mesir pada tahun 1950, ialah kitab beliau yang berjudul *Madha Khasīrāl ‘Ālam Bi Inhīthāt al-Muslimīn* (Apakah Derita Yang

* Artikel ini merupakan kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pemikiran Sayyid Abū al-Hasan ‘Alī al-Nadwī, anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang telah diadakan di Dewan al-Malik Faisal, Pusat Matrikulasi, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Petaling Jaya, Selangor, pada 14 Mei 2000.

Melanda Dunia Bila Umat Islam Mundur), sebuah karya yang mengejutkan seluruh ulama dunia Islam ketika itu dengan gaya bahasanya yang tinggi dan pemikiran yang jauh ke depan.

Sehingga ke akhir hayatnya beliau telah menulis lebih dari 60 buah buku. Manakala di bidang dakwah pula beliau terus terjun ke tengah-tengah masyarakat dengan syarahan dan bimbingannya sehingga sampai ke penghujung usianya.

Kehidupan beliau yang penuh dengan erti inilah yang menjadi tajuk pembicaraan kita selanjutnya.

KETURUNAN, KELUARGA DAN KELAHIRANNYA

Nama beliau ialah ‘Ali dan gelarannya ialah Abū al-Hasan dan ayahnya ‘Abd al-Hayy Bin Fakhruddin Bin ‘Abd ‘Ali al-Hasani. Nasabnya sampai kepada Abdullah al-Asytar dan seterusnya sampai kepada Hasan Bin ‘Ali Bin Abi Tālib r.a.

Keluarganya yang mula sekali berpindah ke India dari negeri Arab ialah al-Amīr Sayyid Qutbuddin Muhammad al-Madānī (581-677H). Beliau datang ke India melalui Baghdād dan Ghaznah di permulaan abad yang ke tujuh hijrah. Beliau datang ke India setelah keganasan bangsa Mongol yang telah menghancurkan bandar Baghdād pada tahun 656H.

Pada mulanya Sayyid Qutbuddin menetap di Delhi dan beliau sempat dilantik sebagai “Syaikh al-Islam” oleh kerajaan al-Ghori. Tetapi oleh kerana semangat jihadnya yang berkobar-kobar maka beliau terus terjun ke medan jihad untuk mengukuhkan lagi kedudukan kerajaan Islam dan untuk menambah pengaruh Islam di kalangan penduduk tempatan yang kebanyakannya mereka adalah masih beragama Hindu. Peranan beliau di bidang ini sangat besar, bahkan beliau sempat pula mendidik tentera-tentera Islam untuk menghayati kehidupan Islam yang sebenar dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Di akhir hayatnya beliau telah memilih bandar Karah Manakpur (sebuah bandar berhampiran dengan bandar Allahabad di Utara India) sebagai tempat tinggalnya sampai akhirnya beliau meninggal dunia di sana.

Sangat banyak zuriat yang ditinggalkan oleh Sayyid Qutbuddin ini, generasi demi generasi silih berganti dan ramai pula ulama yang lahir daripada keturunan beliau. Di antara mereka ialah Sayyid ‘Alamullāh Bin Sayyid Fudail al-Hasānī al-Naqsyabāndī (wafat 1096H) yang sangat banyak mendidik anak muridnya di suatu *zawiah* (pondok) yang telah diasaskannya di bandar Rae Berily yang dikenali tempat ini dengan nama “Takia Kala” iaitu tempat kelahiran dan kampung asal Sayyid Abū al-Hasan ‘Ali al-Hasānī al-Nadwī dan tempat beliau disemadikan.

Di antara tokoh yang terkenal daripada keturunan ini ialah Sayyid Ahmad bin ‘Irfān Al-Syahid, pemimpin gerakan dakwah dan reformasi di India. Pengasas kepada sebuah kerajaan Islam yang tulen di Utara India yang menentang regim penjajah Inggeris dan berusaha menghalau Inggeris dari keseluruhan tanah India. Beliau gugur sebagai syahid dalam satu pertempuran yang sengit yang terjadi di lembah Balakut; iaitu satu pertempuran yang berlaku di antara tentera Islam dengan tentera Sikh (Hindu Sikh) yang telah dibantu oleh Inggeris. Kejadian ini berlaku pada tahun 1246H/1831M.

Tokoh lain yang terkenal daripada keturunan ini ialah Sayyid Fakhruddin Bin Abd ‘Ali al-Hasani (1326H) yang banyak mengarang kitab dalam bahasa Parsi. Begitu juga Sayyid ‘Abd al-Hayy Bin Fakhruddin al-Hasani (1341H), seorang doktor yang mahir dan pengarang yang terkenal, yang telah mengarang kitab *Nuzhat al-Khawātir* dalam 8 jilid besar yang telah menyebutkan lebih dari 5000 riwayat hidup para ulama India dalam berbagai-bagai bidang dan riwayat hidup raja-raja dan pembesar India dari permulaan sejarah Islam di India sampai kezaman beliau (abad ke 14H). Beliau adalah rektor Nadwatul Ulama yang kedua dan beliau adalah ayah kepada Sayyid Abū al-Hasan ‘Ali al-Hasani al-Nadwi.

Abang Sayyid Abū al-Hasan ‘Ali al-Hasani al-Nadwī bernama Sayyid ‘Abd ‘Ali al-Hasani, seorang pakar perubatan yang menguasai bahasa Arab dan Inggeris dan pujangga India yang pertama sekali diiktiraf menjadi anggota Majma’ al-‘Ilmi Al Lughawi (Pusat Bahasa Arab) di Damascus Syria. Beliau telah dilantik menjadi rektor Nadwatul Ulama yang ketiga setelah kewafatan ayahanda beliau (1931H).

Adapun Sayyid Abū al-Hasan al-Hasani al-Nadwī, beliau dilahirkan pada 6 Muharram 1333H/1914M di Takia Kala, Rae Berily. Ayah beliau meninggal dunia ketika beliau baru berumur 8 tahun, maka pendidikannya dikendalikan oleh abangnya Sayyid Abd ‘Ali al-Hasani.

Sayyid Abū al-Hasan sangat berminat untuk membaca dan mentelaah kitab sejak kecil lagi, Kitab-kitab yang dikarang oleh ayahnya dan abangnya merupakan bahan bacaannya selain kitab-kitab yang dikarang oleh ulama-ulama lain. Sejak kecil beliau gemar menghimpunkan kitab-kitab. Dalam usia belasan tahun beliau telah mempunyai sebuah sudut bacaan yang tersendiri yang beliau namakan dengan “Maktabah Abi Hasan ‘Ali” (Perpustakaan Abū al-Hasan ‘Ali).

Ibunya juga seorang pendidik yang dedikasi dan termasuk di antara golongan wanita yang di hormati dan di segani, bahkan seorang yang hafiz al-Qur'an dan pengarang syair-syair sejarah Islam dalam bahasa Urdu dan bahasa Parsi dan peminat syair-syair yang merangsangkan semangat jihad. Hal ini lahir dari satu tradisi yang berlaku dalam keluarga ini. Tradisi itu ialah apabila mereka ditimpa suatu kemalangan atau kesedihan, maka seisi keluarga berhimpun di rumah mereka lalu ada salah

seorang di antara mereka yang melagukan syair-syair jihad dan kisah-kisah perjuangan sahabat Nabi SAW. Syair-syair itu telah digubah oleh seorang dari keluarga mereka yang dikenali dengan nama Sayyid ‘Abd al-Razzāq Kalāmī, yang disadur dari kitab *Fuṭūḥ al-Syams* karangan Imam al-Wāqīdī. Syair-syair itu berjumlah 25,000 bait. Jadi syair-syair yang penuh dengan semangat perjuangan itu dilakukan dalam satu atau dua jam, sehingga jiwa dipenuhi dengan semangat jihad yang meluap-luap dan kesediaan berkorban dengan apa sahaja yang dimiliki, bahkan berusaha untuk gugur sebagai syahid di medan tempur. Maka ketika itu segala kesedihan dan kesusahan akan hilang dan lenyap dan berganti dengan semangat juang dan kerinduan untuk menjadi pembela agama Allah SWT.¹

GURU-GURUNYA

Selain pendidikan yang didapatkan di rumah dan di sekolah (Nadwatul Ulama), Sayyid Abū al-Hasan al-Nadwī juga belajar dalam bentuk *talaqqi* (menadah kitab di hadapan guru) kepada Syaikh Khalil Bin Muhammād al-Yamānī di bidang bahasa Arab sehingga bila beliau berumur 12 tahun, beliau telah mampu bertutur bahasa Arab dengan baik. Ini terbukti apabila beliau dibawa oleh abangnya (Sayyid Abd ‘Ali al-Hasanī) menghadiri Iḥtīfāl Nadwatul ‘Ulamā di bandar Kanpur. Ketika itu beliau sempat berjumpa dan bercakap menggunakan bahasa Arab dengan para ulama dan tokoh masyarakat yang hadir. Di antaranya Hakim Ajmal Khan,² Maulana Muhammād ‘Ali Jauhar, Maulana Zhafar ‘Ali Khan, al-Qādī Sulaimān al-Mansurpuri, Syaikh ‘Abdullah al-Surati dan Dr. Zakir Husain (Presiden India yang pertama).

Kepetahan lidahnya menjadikannya mampu berinteraksi dengan seorang sasterawan Arab yang datang dari Madinah yang bernama Syaikh Sa’d al-Dīn Barradah.

Di bidang ilmu tafsir Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī telah berguru secara *talaqqi* daripada Shaikh Khawwajah ‘Abd al-Hayy al-Fārōqī dan di bidang ilmu nahu beliau berguru kepada bapa saudaranya yang bernama Syaikh Sayyid Muhammād Talhah al-Hasanī.

Setelah menamatkan pelajarannya di Nadwatul Ulama, beliau melanjutkan pelajarannya ke Universiti Lucknow di bidang bahasa Arab dan mendapatkan

¹ Saya kira tradisi ini patut dicontohi dan diikuti supaya iman bertambah kuat, dan daya juang bertambah mantap. Mungkin kalau hendak dibuat perbandingan dengan tradisi masyarakat kita yang lama ialah majlis bacaan “Qasidah Burdah” atau majlis marhaban, dan majlis selawat kepada Rasulullah s.a.w yang sering diadakan dengan tujuan rawatan penyakit dan usaha rohani untuk mendapatkan kesembuhan dan ketenangan.

² Salah seorang pejuang kemerdekaan India dan pengasas Milliyyah University di Delhi. Meninggal dunia di Ranpur 1346H.

Abū al-Hasan ‘Alī Al-Nadwī: Keperibadian, Sejarah Hidup dan Perjuangan

kelulusan terbaik dari Universiti ini serta mendapat pingat emas dalam bidang tersebut pada tahun 1929.

Ke Lahore

Setelah itu beliau melanjutkan pelajarannya ke Lahore yang merupakan bandar ilmu yang terbesar di India ketika itu. Lahore ketika itu dikenali dengan ketokohan para ulamanya dan cerdik pandainya. Selain itu, Lahore juga tempat kediaman penyair Islam yang ulung iaitu Dr. Muḥammad Iqbal. Kehadirannya di Lahore merupakan peluang yang sangat baik untuk beliau dapat bertemu dan berbincang dengan penyair Islam yang ulung ini. Dalam suatu majlis yang dihadiri oleh Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī bersama Dr Muḥammad Iqbal sempat beliau berkenalan dengannya, bahkan lebih erat daripada itu lagi apabila Syaikh Abū Hasan al-Nadwī sempat menterjemahkan beberapa Qasidah Iqbal dari bahasa Urdu ke bahasa Arab dan Iqbal melahirkan rasa kekagumannya terhadap usaha Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī ketika itu walaupun dalam usia yang masih muda (sekitar 14 tahun sahaja).

Mendalami Ilmu Ḥadīth

Setelah setahun di Lahore, Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī kembali ke Lucknow dan beliau terus memberikan perhatiannya kepada ilmu ḥadīth. Beliau memasuki “Daurah Ḥadīth” iaitu kelas khusus belajar kitab-kitab hadith yang enam itu (Shahih Bukhārī, Muslim, Sunan Tirmidhī, Abū Daud, Ibnu Majah dan al-Nasā’i) dalam satu tahun. Di bidang ini beliau berguru secara talaqqi kepada Syaikh Haidar Ḥasan Khan al-Tunku di Darul Ulum Nadwatul ‘Ulama, Lucknow.

Penguasaan Bahasa Arab dan Sastera Arab

Setelah itu beliau kembali memperdalam bahasa Arab yang memang telah tinggi pencapaiannya. Dalam hal ini beliau berguru kepada Syaikh Muḥammad Taqiyuddin al-Hilālī yang datang berhijrah ke India dari Maghribi. Beliaulah yang memantapkan bahasa Arab dan Sastera Arab Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī, sehingga Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī benar-benar menguasai bahasa Arab dan Sastera Arab, yang melayakkan Syaikh Abū al-Hasan menjadi pujangga Arab yang ulung.

Memperdalam Ilmu Tafsir

Pada tahun 1931 Syaikh Abū al-Hasan ke Lahore untuk memperdalam ilmu tafsir kepada ulama ahli tafsir yang paling terkenal ketika itu, iaitu Syaikh Ahmad ‘Alī al-Lahori. Beliau mendapat ijazah di bidang ilmu tafsir daripada Syaikh Ahmad ‘Alī al-Lahori ini. Selain daripada itu beliau sempat juga menghadiri syarahan Syaikh Ahmad ‘Alī di bidang ilmu rahsia syari’at yang menggunakan kitab *Hujjat Allāh al-Bālighah* karangan Syaikh Waliyyullāh al-Dahlawī sebagai teks ucapannya.

Sekali Lagi Memperdalam Ilmu Hadīth

Pada tahun 1932 Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī pergi ke Darul Ulum Deoband dengan tujuan khusus untuk memperdalam lagi ilmu hadith yang sedia ada di dalam dadanya. Darul Ulum Deoband merupakan Pusat Pengajian hadith yang terbesar di India pada waktu itu (bahkan sampai ke hari ini). Di sini beliau berguru dengan Syaikh Husin Aḥmad al-Madani (meninggal pada 1377H) dan secara khusus memperlajari kitab *Ṣaḥīḥ Bukhārī* dan Sunan Tirmidhi.

Didikan Rohani

Dalam tarbiyyah ruhiyyah Syaikh Abū Hasan telah berguru kepada Syaikh ‘Abd Qādir al-Raifūrī (meninggal di Lahore pada tahun 1962M/1382H). Syaikh inilah yang memberikan kepadanya didikan rohani dan kebersihan batin. Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī telah membai’atnya dalam ilmu Ṭarīqat Naqsyabandiyah Mujaddidiyyah Jisytiyyah. Jadi Syaikh al-Raifūrī adalah gurunya yang murshid.

Dalam pengembaraan rohaninya, beliau sangat kagum dengan salah seorang syaikh yang terdapat dalam silsilah Tariqat Naqsyabandiah Mujaddidiyyah Jisytiyyah ini iaitu Syaikh ‘Abd al-Aḥad al-Sirhindī al-Mujaddidi (meninggal dunia pada 1034H) yang merupakan pengasas kepada cabang Thariqat Naqsyabandiah Jisytiyyah. Imam al-Sirhindī al-Mujaddidi merupakan peribadi agung yang mampu menghimpun antara syari’at, hakikat dan ma’rifat. Beliau adalah seorang sufi, tetapi pada masa yang sama juga seorang pendakwah yang berkesan yang telah mampu mengubah haluan kerajaan Mongol yang zalim itu kepada keadaan yang penuh dengan keadilan dan kesejahteraan.

MENJADI GURU DAN EDITOR MAJALAH ARAB

Pada tahun 1934, iaitu ketika beliau berumur 20 tahun habislah masa pelajarannya yang rutin atau rasmi, maka beliau mula menabur bakti dengan mengajar ilmu tafsir dan sastera Arab di Darul Ulum Nadwatul ‘Ulama. Walaupun dengan umur yang masih muda, namun Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī merupakan seorang guru yang pandai mendidik murid dan mempunyai kecekapan mengajar sehingga muridnya begitu mudah memahami pelajaran yang diberikannya. Dalam hal ini saya teringat kepada perkataan yang selalu diungkapkannya ketika memberikan syarahan di hadapan kami. Ungkapan itu ialah “*Seorang guru itu tidak akan berjaya menjadi seorang pengajar yang berkesan, kecuali apabila ia sentiasa mendapat ilham dari Allah SWT*”.

Kriteria seorang guru memang mudah disebutkan, tetapi merealitikan kriteria itu tidak mudah kecuali apabila seseorang itu benar-benar mendapat ilham dari Allah SWT. Apabila ia telah mendapat ilham maka dapatlah ia meletakkan segala sesuatu

sesuai pada tempatnya, baik dari segi nada suara ketika mengajar, mengaturkan pandangan dan perhatian, contoh-contoh yang diberikan, cara menarik perhatian dan menambatkan hati murid kepada guru dan sebagainya.

Selain menjadi guru beliau juga giat dalam penulisan. Banyak rencana-rencana di bidang pemikiran dan dakwah Islam yang beliau tulis dan telah dimuat dalam majalah dan surat khabar yang diterbitkan di tanah Arab. Beliau juga dilantik sebagai editor Majalah “al-Nadwah” yang diterbitkan dalam bahasa Arab di Nadwatul ‘Ulama sebulan sekali.

KEKAGUMANNYA TERHADAP SYAIR-SYAIR DR. MUHAMMAD IQBAL

Setelah muncul kumpulan syair-syair Iqbal yang diberi nama *Darb Kalim* (Tongkat Nabi Mūsā ‘a.s), *Bāal Jibril* (Sayap Jibril ‘a.s) dan *Banūk Dāra* (Loceng Kafilah), Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī sangat terharu dengan kandungan dan sentuhan syair-syair tersebut. Beliau merasakan seolah-olah di sana ada satu pertautan yang sangat kuat di dalam jiwa antara beliau dan Dr. Muhammad Iqbal. Beliau merasakan bahawa Iqbal telah mampu melahirkan perasaannya yang telah lama terpendam. Rasa mulia dan harga diri seorang muslim terpancar dari alunan syair-syair Iqbal itu. Kritik yang pedas dan mengena pada sasaran terhadap kebudayaan Barat nampak jelas dalam untaian syair-syair Iqbal itu. Bahkan Iqbal yang pernah belajar di Barat itu mengumpamakan dirinya seperti Nabi Ibrāhīm ‘a.s yang dihumbangkan di dalam unggunan api Namruz tetapi beliau dapat keluar daripadanya dengan selamat.

Iqbal mampu menggambarkan perasaan umat Islam yang terluka kerana melihat keadaan dunia Islam yang dipecah-belahkan oleh bangsa Barat dan Iqbal sangat sedih dan resah melihat ramai di kalangan orang-orang Islam yang pergi ke Barat lalu tertipu dengan kemilau kebudayaan Barat yang sebenarnya kosong dari nilai-nilai akhlak dan rohani.

Semasa berada di Eropah (1905-1908M), Iqbal sempat mempelajari rancangan-rancangan dan strategi yang diatur oleh Barat untuk menghancurkan umat Islam dan merosakkan aqidah mereka. Hal ini menambahkan lagi kebencian Iqbal terhadap Barat dan pada masa yang sama menambahkan simpatinya terhadap umat Islam. Keadaan bertambah buruk disebabkan keruntuhan empayar Uthmaniah di Turki (1924M). Ketika itu umat Islam benar-benar menjadi mangsa permainan Barat. Iqbal sudah tidak dapat menahan perasaannya lagi, lalu dicurahkannya segala perasaannya tadi dalam untaian syair-syairnya. Beliau telah dapat membangkitkan semangat dan gelora di hati kaum muslimin yang sedang tidur nyenyak yang tidak menyedari rancangan-rancangan musuh yang jahat itu.

Apabila Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī membaca dan mendalami syair-syair

Iqbal ini, beliau mendapati bahawa Iqbal telah menterjemahkan perasaan yang sama yang ada di dalam hatinya. Lalu beliau mempelajari syair-syair Iqbal dengan saksama dan secara terperinci. Dari kajian yang mendalam ini timbulah hasrat yang tidak dapat ditahan-tahan lagi untuk berjumpa dan berbincang dengan penyair ulung itu secara dekat. Pada bulan Ramadhan 1356H/Nov 1937 Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī pergi ke Lahore untuk tujuan ini dan beliau dapat berbincang dengan penyair ulung ini.

Manakala Dr. Iqbal pula mengagumi kefahaman Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī yang menyeluruh terhadap syair-syairnya, maka terjadilah satu perbincangan yang panjang antara mereka berdua, seolah-olahnya suatu perbincangan yang telah dirancang lebih awal daripada kedua belah pihak.

Hasil daripada kajian yang mendalam dan rasa kekaguman inilah yang mendorong Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī untuk menterjemahkan syair-syair Iqbal ke dalam bahasa Arab dalam sebuah kitab yang dinamakan *Rawai'u Iqbal* (Untaian Syair-Syair Iqbal).

KETERLIBATAN SYAIKH AL-NADWĪ DENGAN GERAKAN ISLAM

Pada bulan Ogos 1941 lahirlah Jamaah Islamiah yang dipimpin oleh Syaikh Abū A'lā al-Maudūdī. Pertubuhan ini lahir atas dukungan orang-orang yang terpengaruh dengan penulisan al-Maudūdī yang banyak menggunakan uslūb al-Hujūm kepada kebudayaan Barat dan diungkapkan oleh al-Maudūdī dalam bahasa (bahasa Urdu) yang mudah difahami serta susunan kata-kata yang indah dan benar-benar menyentuh hati para pembaca.

Lantaran itu timbul rasa terpikat di hati Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī untuk menyertai gerakan Jamaah Islamiah dan terlibat secara langsung dengan program-program gerakan ini di peringkat awal, iaitu pada tahun 1941M. Namun Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī berkecimpung tidak lama dalam gerakan ini (kurang lebih satu tahun sahaja) disebabkan perbezaan pendapat antara beliau dengan al-Maudūdī sendiri. Walaupun demikian, Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī tetap menghormati al-Maudūdī dan menjaga hubungan ukhuwwah yang mantap antara kedua belah pihak.

Setelah Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī meninggalkan Jamaah Islamiah, beliau terus mencari suatu wadah atau gerakan yang dapat menyalurkan pemikirannya dan sekali gus dapat dijadikan landasan dakwah untuk mengembangkan agama yang tercinta ini. Beliau bersama dengan Syaikh Manzūr al-Nu'mānī dan Syaikh 'Abd al-Wāhid al-Lahore mencari satu pimpinan yang menyedari kewajiban berdakwah dan pada masa yang sama dapat dijalankan ikutan dan tauladan serta mempunyai ciri-ciri peribadi Salaf al-Šālih yang tinggi.

Abū al-Hasan ‘Alī Al-Nadwī: Keperibadian, Sejarah Hidup dan Perjuangan

Pada mulanya mereka pergi ke Saharanpur, kemudian terus ke Raipur. Di sana mereka menziarahi al-‘Arif Billāh Syaikh ‘Abd al-Qādir al-Raifūrī, seorang ulama besar yang banyak menumpukan perhatian terhadap didikan rohani dan kebersihan jiwa.

Apabila Syaikh Abū al-Hasan datang menziarahinya maka secara langsung terpikat jiwanya dengan ketinggian peribadi beliau, dan keluasan ilmunya dan banyak pengalamannya dalam menempuh liku-liku kehidupan. Syaikh Abū al-Hasan menyerahkan dirinya untuk dididik dan ditarbiah dan diarah al-‘Arif Billāh Syaikh ‘Abd al-Qādir al-Raifūrī ini sehingga dalam bidang rohaniah beliaulah merupakan guru yang mursyid kepada Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī.

Setelah beberapa lama Syaikh Abū al-Hasan bersama dengan al-‘Arif Billāh Syaikh ‘Abd al-Qādir al-Raifūrī, beliau mengarahkan Syaikh Abū al-Hasan supaya menemui Syaikh Muḥammad Ilyās al-Kandahlawi di Delhi. Syaikh Abū al-Hasan tidak berlengah-lengah lagi, beliau terus sahaja pergi ke Delhi dan kemudiannya pergi ke Mewat di sebelah selatan bandar Delhi untuk menemui Syaikh Muḥammad Ilyās. Setibanya di Mewat, Syaikh Abū al-Hasan terkejut melihat kegiatan yang telah diusahakan oleh Syaikh Muḥammad Ilyās dan kegigihannya dalam menyampaikan dakwah di kawasan Mewat yang didiami oleh suku Meos yang terkenal keras dan kejam itu.

Suku Meos di India adalah dari keturunan Rajput. Sifat dan tingkah laku mereka hampir serupa dengan orang Arab Badwi yang hidup di tengah padang pasir. Mereka berwatak keras, gemar berperang dan menumpahkan darah meskipun dengan sebab yang kecil dan tidak munasabah.

Dengan kesabaran yang tinggi dan daya juang yang sangat kental, Syaikh Muḥammad Ilyās telah terjun membimbing suku Meos ini. Di peringkat awal, beliau terpaksa berhadapan dengan berbagai-bagai seksaan dan tentangan yang hebat. Namun dengan berkat kesungguhan dan kesabaran, Syaikh Muḥammad Ilyās dapat menembusi ke dalam hati mereka dan selanjutnya membentuk peribadi mereka untuk menjadi muslim yang sejati.

Untuk tujuan ini beliau membentuk satu gerakan dakwah yang akhirnya dikenali dengan gerakan Jamaah Tabligh. Maulana Muḥammad Ilyās telah membuat landasan dan dasar-dasar yang harus difahami dan diamalkan oleh setiap orang yang menggabungkan dirinya ke dalam gerakan ini.

Dasar-dasar tersebut telah disimpulkan oleh Maulana Muḥammad Ilyās pada enam perkara;

1. Dua kalimah Syahadat
2. Sembahyang

3. Ilmu dan zikir
4. Menghormati orang lain
5. Ikhlas
6. Berjuang Fi Sabillillah.

Dan sebagai kesempurnaan ditambah dengan dasar “meninggalkan perkara yang tidak berfaedah”.

Inilah enam prinsip yang digariskan oleh Maulana Muhammad Ilyās sebagai *manhaj* atau method yang harus diikuti oleh setiap orang yang terlibat dengan gerakan yang didirikannya. Keenam-enam prinsip ini merupakan prinsip-prinsip dasar dalam Islam, walaupun ia bukan keseluruhan rukun Islam ataupun rukun iman, tapi kombinasi enam prinsip ini akan melahirkan buah yang sangat baik dan dapat mendorong seseorang muslim yang telah mengamalkannya untuk mengerjakan kewajipan yang lain dalam menuju ke arah pembinaan peribadi muslim yang sebenar.

Manhaj yang dipilih oleh Syaikh Muhammad Ilyās ini agak ringkas dan praktikal sehingga memikat hati Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī. Lalu sekembalinya ke Lucknow dari menziarahi Syaikh Muhammad Ilyās, beliau terus sahaja meniru dan mencantohi cara Syaikh Muhammad Ilyās berdakwah. Beliau terjun secara langsung membawa murid-muridnya dari Darul Ulum Nadwatul ‘Ulama ke perkampungan-perkampungan orang Islam di Selatan Lucknow. Dengan cara ini banyak sekali faedah yang dapat dicapai. Selain dari faedah-faedah dakwah yang telah kita sebutkan ada laqi beberapa faedah lain yang sangat besar ertiinya. Di antaranya ialah: wujud hubungan kemesraan di antara guru dan murid dan wujud kemesraan di antara sesama pelajar itu sendiri dan timbul rasa kesedaran yang mendalam di kalangan pelajar untuk memperbaiki akhlak mereka dan timbul dalam jiwa mereka keghairahan untuk berdakwah dan berkorban demi agama yang dicintai. Dari segi lain pula terhasillah latihan jiwa, jasmani dan rohani untuk menjadi kader-kader dakwah yang lebih mantap pada masa mendatang.

Manakala di kalangan masyarakat pula wujud kesedaran yang mendalam untuk kembali mengamalkan segala ilmu yang telah mereka perolehi dan tertanam dalam jiwa mereka perasaan yang suci untuk berkorban dan memberi dukungan kepada pelajar-pelajar yang bermurah hati datang ke perkampungan mereka dan akhirnya mereka sendiri rasa terpanggil untuk melapangkan masa bagi tujuan menyertai usaha-usaha dakwah dalam lapangan yang lebih luas lagi.

Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī sangat tertarik dengan enam prinsip yang telah digariskan oleh Syaikh Muhammad Ilyās. Beliau menganggap bahawa enam prinsip ini kalau dapat diamalkan oleh lapisan masyarakat Islam, sudah pasti keadaan mereka akan bertambah baik dan akan wujudlah masyarakat yang aman, tenteram dan bahagia.

Inilah sebenarnya risalah yang dibawa oleh Islam.

Dalam prinsip *Ikrām al-Muslīmīn* selain dari memuliakan mereka, ia juga bererti berbaik sangka kepada semua lapisan masyarakat Islam yang menuntut supaya setiap pendakwah tidak boleh berprasangka buruk kepada mana-mana individu muslim yang ada di atas muka bumi ini, kerana walau bagaimanapun rendahnya akhlak seseorang Islam, namun benih atau bara api keimanan itu sebenarnya masih ada di dalam hatinya. Maka kita perlu berusaha untuk menukar semula bara api yang terpendam di dalam abu itu supaya ia kembali menyala dan berperanan seperti apa yang dikehendaki oleh agama. Bukanlah satu kebijakan apabila kita terus mengambil langkah bermusuhan dengan orang lain sebelum kita berbincang dengan menggunakan bahasa yang lembut dan dengan cara yang dapat memikat ini.

Setelah itu Syaikh Abū al-Ḥasan terus terlibat dengan gerakan Jamaah Tabligh ini secara dekat dan menyertai program-programnya. Beliau telah memperuntukkan masanya untuk dakwah ini kadang-kadang tiga hari, satu minggu, satu bulan, empat puluh hari, enam bulan dan kadang-kadang satu tahun. Sampai ke penghujung usianya, beliau masih lagi memberikan ceramah-ceramahnya di perhimpunan-perhimpunan tabligh yang diadakan dari masa ke semasa dan menggalakkan anak-anak muridnya untuk menyertai program-program tabligh yang diadakan di serata tempat, bahkan Nadwatul ‘Ulama sendiri menjadi tuan rumah pada perhimpunan tabligh yang dilaksanakan secara besar-besaran.

PENGEMBARAAN SYAIKH ABŪ AL- HASAN AL-NADWĪ DALAM MENYAMPAIKAN DAKWAH

Syaikh Abū al-Hasan al-Nadwī di antara ulama yang banyak bermusafir untuk tujuan dakwah, seminar, muktamar, ziarah ataupun mengukuhkan ukhuwwah Islamiah di kalangan para ulama. Pertama kali beliau bermusafir meninggalkan India ialah pada tahun 1947. Pada ketika itu beliau telah berangkat ke Mekkah untuk mengerjakan ibadat haji dan berdakwah. Manakala perjalanan beliau yang terakhir sekali ke luar negeri ialah ke Dubai pada bulan Jan. 1999.

Lebih setengah abad beliau berjalan dan mengembara dalam menyampaikan dakwah ke seluruh dunia. Ke mana sahaja beliau berjalan, dakwah Islamiah itu merupakan tugasnya yang pertama. Bahkan beliau sering masuk ke pedalaman negeri Arab dan mengajak para ulama Arab untuk menyertai beliau berdakwah dan mengajak ummat untuk kembali kepada Islam.

Hampir keseluruhan negara di Timur Tengah telah beliau kunjungi. Kalau Mekkah dan Madinah hampir setiap tahun atau dua kali setahun. Selain dari itu beliau juga melawat negara-negara Eropah dan Amerika. Tidak ketinggalan negara Malaysia

yang tercinta ini telah beliau kunjungi pada 2 April 1987 atas jemputan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), PAS, Persatuan Ulamak Kedah (PUK) dan Maahad Tarbiah Islamiah Derang Kedah.

Di antara tempat yang beliau kunjungi dan sempat memberikan ceramahnya ialah: Maahad Tarbiah Islamiah Derang, Ibu Pejabat MADA Negeri Kedah (Kedah), Masjid Rusila, Madrasah Tahfiz Kubang Bujuk, KUSZA (Terengganu), UKM, UTM, UIA, Pusat Latihan ABIM Sungai Ramal, Markaz PAS Taman Melewar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Dewan Tengku Abd. Rahman Jalan Ampang (Kuala Lumpur).

Selain dari menyampaikan ceramah di Maahad Tarbiah Islamiah Derang, Kedah, beliau juga berkesempatan meletakkan batu asas di tapak bangunan “Al-Ma‘ahad al-‘Ali” yang ditubuhkan sebagai lanjutan terakhir bagi marhalah pendidikan yang ada di Maahad Tarbiah Islamiah Derang.

JAWATAN-JAWATAN YANG PERNAH DISANDANGNYA

Sayyid Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Ḥasanī al-Nadwī *rahimahullāhu ta’ālā* juga terlibat dengan banyak jawatan di pertubuhan-pertubuhan Islam dan kesusasteraan Islam di India dan di luar India. Beliau juga sangat banyak mendapat penghormatan dan penganugerahan dari badan-badan yang berwibawa. Di antaranya:

- 1957M beliau dilantik menjadi anggota Lembaga Ilmu Bahasa ‘Arab di Damascus, Syria.
- 1957M beliau dilantik sebagai Pengurus Lembaga Pendidikan Agama Islam di seluruh Wilayah Utara India.
- 1961M (1380H) beliau dilantik menjadi Rektor Darul Ulum Nadwatul Ulama, Lucknow sehiggalah sampai ke akhir hayatnya.
- 1962M (1381H) beliau dilantik menganggotai Majlis Tertinggi Universiti Islam Madinah.
- 1962M (1381H) beliau adalah salah seorang dari pengasas kepada Rabitah Al-Alam Al-Islami, di Mekkah.
- 1959M (1378H) beliau menjadi Pengurus Academy of Islamic Research and Publication (Pusat Pengkajian dan Penyebaran Islam) yang ditubuhkan di Nadwatul Ulama Lucknow, India.
- 1971 beliau dilantik menjadi ahli Majlis Pentadbir, Persekutuan Universiti-Universiti Islam, Rabat, Maghribi.
- 1980 beliau telah diberi penghormatan menerima Anugerah Al-Malik Faisal (*King Faisal Award*) sebagai mengenang sumbangannya di bidang dakwah kepada dunia Islam.

- 1983 beliau telah dilantik menjadi Pengurus Pusat Islam di Oxford Universiti.
- 1985M (1045H) beliau bersama dengan sebilangan sasterawan Islam dunia telah menubuhkan Rābitah al-Adab al-Islāmi al-‘Alamiyyah atau *Universal League Of Islamic Literature* (Liga Sastera Islam Sedunia). Badan ini ditubuhkan berdasarkan kepada resolusi Seminar Sastera Islam Antarabangsa yang diadakan di Nadwatul Ulama, Lucknow, India pada tahun 1401H /1981M.
- Januari 1999M (Ramadān 1419H) beliau telah diberi penghormatan menerima anugerah “Peribadi Islam Terbaik” oleh Putera Mahkota Emiriah Arab Bersatu di Dubai.

BERPULANG KE RAHMATULLAH

Setelah lebih setengah abad Sayyid Abū al-Hasan ‘Alī al-Hasani Al-Nadwī *rahimahullāhu ta‘ālā* dalam perjuangannya yang gigih dan usahanya yang tidak mengenali noktah akhir itu maka beliau dipanggil ke ḥadrat Allah SWT, pada tengah hari Jumaat 23 Ramadān 1420H bersamaan dengan 31 Disember 1999M di kediamannya di kampung Takia Kala, Daerah Rae Berily, Wilayah Uttar Pradesh, India. Jenazahnya selamat dikebumikan pada malam Sabtu 23 Ramadān 1420H selepas sembahyang sunat Tarawih.

Hari kewafatannya itu berlaku pada sepuluh hari yang terakhir dari bulan Ramadān yang mulia, iaitu pada 23 Ramadān 1420H dan di hari yang terakhir daripada tahun 1999 (31/12/1999), pada waktu tengah hari Jumaat, beberapa saat sebelum masuknya waktu Jumaat. Setelah beliau selesai berwudhu dan bersiap-siap untuk pergi ke masjid dan beliau telah menyuruh seorang muridnya mengambil al-Qur'an untuk membaca Surah al-Kahfi seperti kebiasaan beliau berbuat demikian. Tiba-tiba beliau tidak jadi membaca surah al-Kahfi dan menggantikannya dengan bacaan surah Yāsīn, sehingga apabila beliau sampai kepada ayat:

إِنَّمَا نُنذِّرُ مَنِ اتَّبَعَ الذِّكْرَ وَخَلَقَ الْجَنَّ

maka ketika itulah beliau terdiam ... dan dengan mudah nyawanya yang suci itu dipanggil ke ḥadrat Allah SWT.

Tidak dapat dibayangkan kepiluan hati para keluarga dan murid-muridnya pada ketika itu. Mereka terus sahaja berbondong-bondong datang untuk menziarahi jenazahnya dan melihat wajahnya untuk kali yang terakhir.

Kawasan *dhawiyah* (pondok) Shaikh Alamullāh al-Hasani di Takia Kala, Rae Berily itu dipenuhi oleh pengunjungnya. Mereka sabar bersesak-sesak, ditambah pula dengan kedahagaan puasa Ramadān ketika itu, namun masing-masing tetap tidak

berganjak dari tempat mereka sehingga tiba waktu berbuka puasa. Selepas solat tarawih jenazah al-marhum diusung keluar dari rumah kediamannya untuk selanjutnya disembahyangkan dan dikuburkan di tanah perkuburan keluarganya “al-Sa‘ādah al-Hasaniyyin” di belakang masjid yang ada di kawasan pondok tersebut.

Al-marhum telah disemadikan bersama dengan al-marhum abangnya Sayyid ‘Abd ‘Ali al-Hasani, ayahnya Sayyid ‘Abd al-Hayy al-Hasani, datuknya Sayyid Alamullāh al-Hasani dan keluarganya yang lain-lain lagi. Kubur beliau merupakan kubur yang terakhir yang dapat dimasukkan ke dalam kawasan perkuburan yang khas itu, atas wasiat daripada beliau sendiri.

Sembahyang ghaib untuk jenazah beliau telah dikerjakan di merata tempat di India dan di luar India. Di mana sahaja berita kewafatan beliau itu didengar maka di situ dilaksanakan sembahyang ghaib. Di Malaysia, şalāt ghaib tersebut dilaksanakan di Maahad Tarbiah Islamiah Derang, Pokok Sena, Kedah dan dihadiri 17 orang Nadwiyyin dan juga ahli-ahli dan pimpinan-pimpinan gerakan Islam pada malam 27 Ramadān 1420H, iaitu tiga malam selepas kewafatan beliau. Yang paling besar sekali sembahyang ghaib ini telah dilaksanakan di kedua-dua tanah suci, di Mekkah dan di Madinah pada maalam 27 Ramadān. Kita semua tahu pada malam itu jumlah ummat Islam yang membanjiri kedua-dua tanah suci ini lebih dari dua juta orang dan memang secara sengaja sembahyang ghaib itu dilaksanakan pada malam 27 itu supaya menepati malam lailatulqadar menurut pendapat mazhab Hanbali dan supaya lebih banyak orang yang menyembahyangkannya.

Kalau kita melihat kepada masa, tarikh dan tempat kematianya dan juga tempat-tempat sembahyang ghaib yang kita sebutkan tadi, kita dapat mengatakan bahawa ini adalah salah satu dari keistimewaan atau keramat yang telah dianugerahkan oleh Allah kepada mujahid yang tak kenal letih dalam perjuangan ini.

Barangkali selepas kewafatannya, barulah jiwa yang tak mengenal letih ini dapat berehat untuk selama-lamanya di sisi rahmat Tuhan yang telah lama diidamkannya. *Rahimahullāhu Rahmatan Wāsi‘ātan.*

Kewafatan beliau merupakan satu kerugian besar bagi dunia Islam dan lebih terasa lagi kesan musibah yang menimpa ini bagi keluarganya dan anak-anak muridnya di mana sahaja mereka berada.

Kami ucapan “Selamat jalan wahai Mujāhid!”

Semoga Allah SWT mencucuri engkau dengan rahmatNya yang luas dan semoga Allah SWT menempatkan engkau bersama-sama dengan para anbiya’, auliya’ dan para kekasihNya. Amin.